

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

20. Ramai usahawan pusat-pusat jagaan warga emas telah memaklumkan kesusahan mereka untuk membuat bayaran caruman jabatan-jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang tinggi. Ini telah menyebabkan kebanyakan pusat-pusat jagaan warga emas tidak boleh memperolehi kelulusan PBT masing-masing walaupun proses pemutihan telah dijalankan.
- (a) Adakan Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menolong mereka?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. (a) Bagi membantu pengusaha pusat-pusat tersebut, diskaun 90% diberi ke atas bayaran pemajuan infrastruktur bagi semua pusat jagaan termasuk pusat jagaan warga emas di Negeri Pulau Pinang yang beroperasi sebelum 15 September 2017. Diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastruktur bagi kos tukar guna bangunan kediaman ke pusat jagaan adalah bagi tempoh setahun iaitu 15 September 2017 hingga 14 September 2018. Pemberian diskaun ini juga akan menggalakkan lebih ramai pengusaha pusat jagaan untuk tampil ke hadapan untuk berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mengurangkan beban pengusaha. Manakala bagi pusat jagaan yang beroperasi

mulai 16 September 2017, perlu mematuhi garis panduan yang sedia ada.

Selain itu, MBPP telah membentangkan kertas kerja pengecualian bayaran caruman pembinaan serta menaik taraf jalan dan persimpangan bagi semua permohonan tukar guna bangunan kediaman kepada Tadika, Taska, Pusat Jagaan Kanak-Kanak, Pusat Jagaan Ibu Bersalin Dan Anak dan Pusat Jagaan Orang Tua di kawasan MBPP kepada Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri pada 7 Jun 2018 di mana pengecualian telah dipersetujui tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri. Seterusnya perakuan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri ini akan diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Negeri dan sekiranya diluluskan, cadangan ini akan diguna pakai untuk kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tebatan Banjir Bil 3/2018 pada 28 Jun 2018 juga telah memutuskan supaya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyelaras semula garis panduan berhubung bayaran caruman perparitan (DCC) bagi kawasan MBPP dan MPSP dan cadangan pengecualian caruman perparitan ini masih dalam peringkat perbincangan dan pertimbangan sebelum dilaksanakan.